

TARIKH	SELASA, 14 SEPTEMBER 2021
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	WARKAH BUAT TUANKU: SURAT RAKYAT UNTUK AGONG
M/S	10
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

10 www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

Selasa 14.09.2021 | Harian Metro

dewan rakyat

Surat rakyat untuk Agong

Ratusan warkah diterima Seri Paduka daripada orang ramai terkesan akibat pandemik Covid-19

Oleh Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ratusan pucuk surat diterima Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah daripada rakyat susulan pan-

demik Covid-19. Baginda bertitah, rakyat merintih dengan keadaan itu dan mengharapkan agar kehidupan kembali pulih seperti biasa.

"Selepas lebih setahun berlalu, negara masih lagi belum bebas sepenuhnya daripada pandemik Covid-19.

"Negara dan rakyat beta sudah terlalu lama dibeleng-

gu dengan masa hadapan yang kelam, bergelut dengan isu kesihatan dan juga kemurungan ekonomi.

"Terlalu ramai rakyat beta yang terkesan dengan penularan pandemik ini. Terlalu ramai juga rakyat yang kehilangan sumber rezeki.

"Ratusan pucuk surat telah beta terima dari rakyat yang merintih penuh duka dengan seribu harapan agar



AL-SULTAN Abdullah berkenan mencemar duli bagi menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Penggal Keempat, Parlimen ke-14 di Bangunan Parlimen, semalam.

Agong jual pantun buat Yang Berhormat

Kuala Lumpur: Suasana di dalam Dewan Rakyat menjadi gamat seketika apabila Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selesai menyampaikan Titah Diraja pada Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen ke-14 di sini, semalam.

Ia selepas baginda secara bersahaja bertitah bahawa pantun yang disampaikan boleh dijawab pada tahun depan.

"Kalau siapa nak jawab, tunggu tahun depan. Terima kasih semua, selamat bersidang," titah baginda.

Ia diikuti dengan gelak tawa dan tepukan ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat.

Terdahulu baginda menitipkan tiga rangkap pantun ketika mengakhiri titahnya.

**Dari Segamat ke Kota Tinggi,
Hajat mulanya ke Kuala Pahang,
Kepada Yang Berhormat ikhlaslah
berbakti,**

**Tidaklah rakyat gusar dan
bimbang.**

**Kalau memandang langit yang
tinggi,
Jangan lupa rumput di bawah,
Bekerjalah Yang Berhormat
sepenuh hati,
Martabatkan negara kembali
bermaruah.**

**Rempah halia digaul diuli,
Buat ramuan nasi kebuli,
Sumpah setia ketaatan diberi,
Pertahankan negara dan ibu
pertiwi.**

Istiadat kemudiannya diakhiri dengan bacaan doa oleh Mufti Wilayah Persekutuan Dr Luqman Abdullah.

Persidangan dijangka akan memberi tumpuan kepada isu pemulihan negara susulan pandemik Covid-19 dan pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) selain usaha transformasi Parlimen.



**Beta menyeru kepada
Ahli Yang Berhormat
sekalian untuk
mengembalikan fokus
kepada usaha
memerangi pandemik
Covid-19 serta
membawa kembali sinar
kepada rakyat"**

Al-Sultan Abdullah

sinar perubahan dapat mereka kecap dengan segera bagi meneruskan kehidupan seharian seperti biasa," titah baginda pada Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen ke-14, semalam.

Seri Paduka turut menasihatkan Ahli Yang Berhormat agar tidak menjadikan masa depan negara dan rakyat sebagai taruhan dalam percaturan untuk mencapai agenda tertentu.

"Justeru, beta menyeru ke-

pada Ahli Yang Berhormat sekalian untuk mengembalikan fokus kepada usaha memerangi pandemik Covid-19 serta membawa kembali sinar kepada rakyat dan negara tanah tumpahnya darah kita.

"Semoga Malaysia serta rakyat yang beta kasih akan terus diberkati dan dianugerahkan oleh Allah SWT dengan taufik dan hidayah, aman sentosa serta hidup bersatu padu di bawah lindungannya," titah baginda.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM